

24/03/2000

Raja-Raja bincang tiga perkara

KUALA LUMPUR, Khamis - Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-185 yang dipengerusikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, di Istana Negara hari ini membincangkan mengenai dasar negara, pelantikan dan agama.

Menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah, mesyuarat itu turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Semua Raja dan Yang Dipertua Negeri hadir kecuali Raja Perlis yang diwakili oleh Tengku Syarif Bendahara, Datuk Seri Diraja Syed Badaruddin Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullial; Sultan Kedah diwakili oleh Raja Muda Tunku Abdul Malik Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Sultan Johor diwakili oleh Tunku Mahkota Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar.

Selangor pula diwakili oleh Pemangku Sultan Tengku Idris Shah.

Sementara itu, Berita Harian difahamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan taklimat khas selama satu jam pada mesyuarat berkenaan yang turut dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri yang mengiringi Raja serta Yang Dipertua Negeri masing-masing.

Sebelum ini, Perdana Menteri menyarankan Raja-Raja Melayu membantu menyatupadukan umat Islam yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik menerusi majlis agama Islam negeri serta Majlis Fatwa.

Dr Mahathir berkata, walaupun tanggungjawab mereka terhad kepada perkara berkaitan agama dan tidak boleh campur tangan dalam urusan politik, Raja-Raja Melayu masih ada peranan menyatukan semula umat Islam.

Katanya, Raja-Raja Melayu menyedari mengenai perkara itu tetapi mungkin mereka tidak mahu membincangkannya kerana bimbang ia disalah tafsir sebagai mencampuri urusan politik.

Berita Harian juga difahamkan Sultan Ahmad akan mengadakan sidang akhbar khas di Kuantan esok untuk menjelaskan mengenai keputusan mesyuarat Majlis Raja-Raja.

(END)